

16 SEP 2001

ABDULLAH TIBA DI SIBU UNTUK LAWATAN DUA HARI

SIBU, 16 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Ketibaan beliau di lapangan terbang disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan beberapa anggota kabinet negeri.

Abdullah meluangkan sedikit masa berbual-bual dengan sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Nangka yang berada di lapangan terbang itu untuk meminta beliau menyampaikan hadiah mereka - sekeping kad ucapan Hari Kebangsaan sepanjang 181 meter - kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berjanji untuk membawa pulang bersamanya esok kad yang disediakan oleh 1,600 pelajar itu kepada Perdana Menteri.

Abdullah dijadual merasmikan Sekolah Kebangsaan Upper Lanang sebelum melancarkan pemancar NTV7 bagi wilayah tengah Sarawak (Bahagian Sibu dan Sarikei) di sebuah hotel di sini pada sebelah petang.

Malam ini beliau akan menghadiri majlis penutupan perayaan Hari Kebangsaan ke-44.

-- BERNAMA

ESS RON